

1 Menilai sumbanggan tokoh

Oleh NORAINI ABDUL RAZAK
(WARTAWAN UTUSAN)

UM MS10 19/1/07
Allahyarham turut dikenali di rantau Asia Tenggara dan dunia Islam. Pemikiran ilmiahnya yang segar dan pemikiran undang-undang mencerminkan sahsiahnya yang harus dikaji, diteliti dan dihayati

ESOK 1 Muharam 1428 genap lapan tahun (mengikut kalendar Islam) Allahyarham Prof. Emeritus Tan Sri Ahmad Mohamed Ibrahim kembali ke rahmatullah. Di kalangan warga perundangan, nama Allahyarham memang tidak asing lagi.

Ahmad Ibrahim terkenal kerana kesungguhannya mengangkat martabat undang-undang syariah terutama yang menyentuh undang-undang keluarga Islam di negara ini.

Saya sendiri berpeluang menjadi salah seorang daripada ribuan pelajar Allahyarham. Menimba ilmu secara terus daripada Allahyarham sememangnya satu peluang yang amat tinggi nilainya bagi saya.

Seerti yang ditegaskan oleh pengamal undang-undang Prof. Salleh Buang, Allahyarham menjadi 'pakar rujuk' yang amat senang sekali dihubungi, kerana Allahyarham sentiasa bersedia membantu dan memberi buah fikirannya. Allahyarham juga diberi gelaran *walking encyclopedia of Malaysian law* (ensiklopedia bergerak undang-undang Malaysia).

Manakan tidak ilmu perundangan yang dimiliki oleh Allahyarham tidak pernah ada batasnya. Saya masih ingat betapa kemarahan Allahyarham terhadap pelajar-pelajarnya yang enggan menghabiskan masa di perpustakaan sebaliknya gemar membuat salinan bahan rujukan.

tama anjuran institut itu berkata:

"Kehebatan pemikiran Allahyarham terutama sebagai tokoh perundangan yang amat membanggakan masyarakat mendorong pemilihan Allahyarham untuk projek ini."

Katanya, selain Malaysia Allahyarham turut dikenali di rantau Asia Tenggara dan dunia Islam. Pemikiran ilmiahnya yang segar dan pemikiran undang-undang mencerminkan sahsiahnya yang harus dikaji, diteliti dan dihayati.

"Jika kita abaikannya, kita rasa ia satu kerugian," katanya kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Menurut Ahmad Sarji, projek tersebut adalah sebuah daya usaha ilmiah yang melampaui sempadan geografi, bangsa, agama dan politik. Ia bertujuan menghormati Allahyarham sebagai seorang tokoh perundangan yang disegani dan berjasas kepada Malaysia khususnya dan rantau Asia Tenggara serta dunia amnya.

Bekas Ketua Setiausaha Negara itu menyingkap pengalamannya berkenalan dengan Allahyarham pada tahun 1970 semasa Ahmad Ibrahim berkhidmat di Universiti Malaya bersama bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Hamid Othman.

Katanya, ketika itu beliau berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam dan ber-

dilantik sebagai ahli lembaga pengarah IKIM dan beliau tidak pernah putus menghadiri mesyuarat lembaga pengarah, menyediakan program kerja IKIM, memberi pendapat mengenai hal ehwal Islam terutama yang bersangkutan dengan undang-undang syariah.

Katanya, Allahyarham juga sentiasa mengambil bahagian dalam seminar anjuran IKIM sebagai pembentang kertas kerja.

"Allahyarham tak kisah tak jadi moderator atau pengerusi seminar asal saja dia dapat membentangkan kertas kerja dan menyampaikan pendapat. Oleh kerana meritnya yang tinggi pendapat-pendapat beliau amat dihormati," katanya.

Allahyarham Ahmad Ibrahim meletakkan satu perjuangan yang konsisten dalam kehidupan Islam itu sendiri. Gagasan perundangan dan wawasan perjuangannya bersifat analitikal dan ilmiah.

Pemikiran undang-undang yang diterjemahkan Allahyarham amat berguna sampai bila-bila dan memberi satu tanda aras terbaik untuk rujukan generasi sekarang dan akan datang di negara ini.

"Kita berasakan pemilihannya untuk projek ini juga sesuai dengan statusnya sebagai pemikir yang bergelar Profesor Emeritus dalam perundangan Islam dan pengalamannya dalam bidang perundangan ketika berkhidmat di Universiti



AHMAD SARJI ABDUL HAMID

Ahmad Sarji menarik perhatian mengenai keupayaan Ahmad Ibrahim menzahirkan pandangan dari pelbagai jurusan sehingga menjadikannya lebih menyerlah jika dibandingkan dengan pakar perundangan yang lain.

"Beliau mempunyai sikap rasmi padi begitu berisi begitu dia tunduk, dan dia ada ilmu daripada jurusan apa pun.

"Sekiranya ada isu yang kita nak beliau huraikan, Allahyarham akan buat penyelidikan sebelum menyampaikan pendapat," katanya.

Ahmad Sarji dianugerahkan Tokoh

Allahyarham pernah berkata, perkara pertama yang beliau ingin lakukan ialah membuang mesin-mesin fotostat di perpustakaan kerana ia mengikis sifat cinta perpustakaan di kalangan pelajar.

Hakikatnya, kegigihan dan ilmu yang dimiliki oleh Allahyarham begitu dikagumi. Menyedari ketokohan yang dimiliki oleh Allahyarham, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) mengorak langkah menganjurkan Projek Akademik Mega Ahmad Ibrahim: Sebuah Biografi dan Telaah Pemikiran pada 30 Jun depan.

Tentunya pemilihan Allahyarham untuk menjadi perintis Projek Akademik Mega ini bersandarkan kepada ketokohan beliau yang sehingga kini sukar dicari pengganti.

Pengerusi IKIM, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid ketika ditanya mengenai pemilihan Ahmad Ibrahim sebagai tokoh dalam Projek Akademi Mega per-

tanggungjawab menyediakan biasiswa untuk pelajar Malaysia di luar negara.

"Allahyarham bersama Hamid berjumpa saya dan meminta biasiswa untuk menaja pelajar jurusan undang-undang syariah ke luar negara di bawah Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAP)," katanya.

Ditanya pandangan beliau terhadap Allahyarham, Ahmad Sarji yang menjelang usia 70 tahun mengakui bahawa Ahmad Ibrahim walaupun mempunyai reputasi yang hebat tetapi amat sederhana dan sentiasa merendah diri.

Sumbangan Allahyarham terhadap IKIM bermula apabila bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta ditubuhkan IKIM pada tahun 1992. Allahyarham Ahmad Ibrahim dan Datuk Ahmad Nordin Mohd. Zin (bekas Ketua Pengarah Kementerian Penerangan) menjadi pengasas IKIM.

Dalam pada itu, Allahyarham turut

Malaya, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Jabatan Peguam Negara," katanya.

Ketokohan Ahmad Ibrahim terbukti apabila Allahyarham diiktiraf di peringkat antarabangsa seperti Anugerah Alhama Muhammad Iqbal pada 1979, profesor undang-undang di UIAM, Profesor Emeritus UM, tokoh Maal Hijrah 1988 dan Kursi Tun Abdul Razak 1992.

Banyak juga bukunya yang dihasilkan mengenai artikel yang menggambarkan pemikirannya seperti *Malaysia Legal Essay* oleh MB Hooker dan *Makalah Undang-Undang Menghormati Ahmad Ibrahim* yang diterbitkan Dewan Bahasa dan Pustaka pada 1998.

Beliau telah menghasilkan dua buah buku iaitu *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia (1997)* dan *The Administration of Islamic Law in Malaysia (2000)*.

Menyorot sumbangan Allahyarham,

Maal Hijrah pada hari Ahmad Ibrahim kembali ke rahmatullah iaitu pada 18 April 1999.

Beliau turut ditanya mengenai sumbangan badan-badan korporat terutama yang mempunyai hubungkait dengan dengan Allahyarham untuk menjayakan Projek Akademik Mega itu.

Katanya, setiap badan korporat seperti Bank Islam yang draf penubuhannya disediakan oleh Allahyarham sepatutnya menghargai sumbangan tokoh hebat itu.

"Tokoh yang mengasaskan sesuatu pertubuhan itu wajar diberi pengiktirafan tapi dalam apa bentuk terpulanglah. Pada prinsipnya siapa saja yang mengasaskan sesuatu organisasi mesti dihargai.

"Misalnya Tun Ismail Ali yang mengasaskan Permodalan Nasional Berhad (PNB), jadi PNB wujudkan Yayasan Tun Ismail untuk hargai sumbangan beliau," katanya.